

PERKARA: MAKLUMAN PEMBAYARAN HONORARIUM

Kepada Semua Ahli Panel Penilai (APP) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Assalamualaikum wrt. / Salam Sejahtera.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah membuat satu ketetapan berkenaan pembayaran honorarium kepada Ahli Panel Penilai (APP) MQA. Pembayaran honorarium diputuskan hanya akan dibayar kepada APP yang mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan sahaja. Tiada bayaran akan diberikan kepada APP yang lewat menghantar laporan dari tarikh yang sepatutnya, kecuali permohonan yang dikendalikan oleh Badan Profesional.

Ketetapan ini berkuatkuasa bagi tugas yang dikemukakan kepada APP bermula pada 20 Ogos 2018. Diharapkan semua APP MQA mengambil maklum perkara ini dan dinasihatkan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan sebarang kesulitan berhubung bayaran honorarium berkenaan.

Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Puan Siti Nurafiza Mohd Radzi (nurafiza@mqa.gov.my)** di talian **03-7954 1951** atau **Puan Nurul Najwa Ahmad Puad (nurulnajwa@mqa.gov.my)** di talian **03-7968 2035**.

Segala kesulitan amatlah dikesali.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN KOORDINASI DAN RUJUKAN JAMINAN KUALITI
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
OGOS 2018**